

04 MAY 2003

Mahathir-Khidmat awam/I

JANGAN BERTERUSAN TUNTUT GAJI LEBIH, KATA DR MAHATHIR KEPADA KAKITANGAN AWAM

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bertugas semula esok selepas bercuti selama dua bulan, meminta kakitangan awam supaya tidak sentiasa menuntut kenaikan gaji kerana ini akan menyebabkan negara menjadi miskin dan tahap kehidupan meningkat.

Perdana Menteri berkata kakitangan awam tidak seharusnya hanya memikirkan soal imbuhan atau gaji, tetapi perlu juga memikirkan tentang kepuasan bekerja dan sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

"Mereka harus juga memikirkan mengenai sumbangan mereka ke arah menjadikan negara kita dihormati di seluruh dunia, mengenai sumbangan mereka ke arah menjadikan rakyat bangga kerana menjadi warga Malaysia dan diiktiraf oleh dunia tentang kejayaan mereka," katanya dalam satu temu bual eksklusif dengan "Khidmat", majalah rasmi perkhidmatan awam Malaysia.

Dr Mahathir, yang akan berundur daripada jawatannya Oktober ini, membuat ulasan itu ketika diminta oleh majalah berkenaan memberikan "nasihat perpisahan" kepada 900,000 kakitangan awam.

Katanya jika kakitangan awam berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara dihormati dan diiktiraf di seluruh dunia, ini akan menghasilkan pendapatan lebih baik kepada mereka.

"Apabila mereka bangga dengan kerja mereka dan mendapat hasil lebih baik, negara akan mencapai kemajuan lebih pantas dan menjadi lebih kaya. Sesebuah negara yang kaya tentunya memberikan pendapatan lebih baik kepada semua kakitangan awamnya.

"Sebaliknya, jika mereka tidak bekerja keras dan tidak berdedikasi sebaliknya sentiasa menuntut gaji lebih tinggi, mereka mungkin mendapat gaji lebih tinggi tetapi negara menjadi miskin dan kos sara hidup akan naik.

"Akhirnya, mereka dapati gaji yang lebih itu itu tidak memberikan kehidupan lebih baik berbanding semasa gaji mereka rendah dahulu," katanya.

Perdana Menteri berkata sumbangan daripada rakyat Malaysia kepada kekayaan negara masih rendah, menyebabkan pendapatan per kapita mereka kurang daripada US\$4,000, berbanding US\$40,000 di Switzerland dan Luxembourg.

Katanya pendapatan per kapita yang tinggi di kedua-dua negara Eropah itu bermakna sumbangan rakyat mereka lebih tinggi berbanding rakyat di Malaysia, yang sepatutnya memikirkan bagaimana mereka dapat menyumbang ke arah mencari kekayaan untuk negara dan tidak bergantung kepada pekerja asing.

"Jika kita bergantung kepada orang luar, itu bermakna wang akan mengalir keluar. Itu akan mengurangkan kekayaan negara kita. Kita menjadi miskin kerana orang asing bekerja untuk kita."

Pada satu ketika, Malaysia mempunyai sekitar satu juta pekerja asing, kebanyakannya dari Indonesia yang bekerja di sektor pembinaan dan perladangan.

Dr Mahathir berkata pekerja-pekerja asing ini mungkin menerima gaji lebih rendah daripada yang diperolehi oleh rakyat Malaysia tetapi wang yang mereka terima itu adalah wang Malaysia.

"Dan kita tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada wang kita dan kekayaan kita," katanya.

Perdana Menteri menolak cadangan supaya kakitangan awam bekerja selama lima hari dalam seminggu, dengan berkata Malaysia tidak boleh melaksanakannya lagi kerana ia belum menjadi sebuah negara maju.

Sejak beberapa tahun lepas, kakitangan awam menikmati cuti pada Sabtu pertama dan ketiga sebagai satu langkah kerajaan menggalakkan keluarga bahagia dan pelancongan domestik.

"Jika kita kerja lima hari seminggu, masih ada perkhidmatan yang memerlukan kerja tujuh hari seminggu. Ini bermakna gaji dan elaun yang lebih tinggi perlu dibayar kepada mereka yang bekerja pada hari-hari cuti, sekaligus meningkatkan kos," katanya.

"Ada pula orang yang akan melakukan sesuatu pada hari cuti mereka, mungkin untuk memperolehi pendapatan. Mereka bukannya berehat. Mereka tidak bercuti bagi membantu pelancongan domestik kita."

Dr Mahathir berkata walaupun ada baiknya bagi sesetengah orang memikirkan tentang cuti hujung minggu yang lebih ini, kerajaan harus berhati-hati mengenai perkara berkenaan.

"Kita tidak mampu untuk kurang bekerja. Kita bermula dengan satu hari cuti tambahan, dan kemudian menambahnya menjadi dua dalam sebulan. Pada masa ini, saya rasa itulah yang wajar," katanya.

Beliau berkata bahawa di sesetengah negara, ada di kalangan rakyat mereka bekerja selama 35 jam dalam seminggu tetapi kos mereka telah meningkat.

"Mereka tidak lagi kompetitif. Anehnya, mereka tidak puas hati kerana kekayaan mereka tidak bertambah sedangkan mereka lebih banyak beriadah," kata Perdana Menteri.

Mengenai penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu sejak beberapa tahun lepas, Dr Mahathir berkata dasar itu akan diteruskan kerana selain mengurangkan bilangan kakitangan kerajaan, ia juga mengurangkan perbelanjaan kerajaan termasuk dalam menyuntik modal.

Beliau mengakui terdapat kelemahan dan pendekatan yang silap dalam pelaksanaan dasar itu.

"Kita telah banyak belajar. Kita tahu kelemahan dan beberapa pendekatan yang silap. Saya berpendapat bahawa di masa depan, penswastaan akan menjadi lebih cekap dan lebih berkesan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan sekali-kali tidak dapat menyaingi pendapatan kakitangan dalam bidang-bidang kritikal di sektor swasta.

Katanya mereka yang masih kekal berkhidmat dengan kerajaan, berbuat demikian kerana mereka berdedikasi.

"Jika kita naikkan gaji sektor awam, sektor swasta akan menaikannya lebih tinggi lagi. Jadi, kita tidak boleh bersaing dengan mereka," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya tentang segelintir kakitangan awam yang menyokong pembangkang dan yang mengkhianati dasar-dasar kerajaan.

"Pada masa ini, jumlahnya kecil tetapi ini bercanggah dengan prinsip demokrasi. Dalam sesebuah negara demokrasi, kakitangan awam perlu akur kepada kerajaan yang memerintah, kerajaan yang ada. Jika tidak, keseluruhan sistem akan gagal.

"Jika kakitangan awam menentang kerajaan yang ada kerana mereka mahukan kerajaan lain, mungkin, apabila kerajaan yang lain itu berkuasa, kakitangan awam yang lain pula akan mengkhianati kerajaan itu. Maka, tidak akan ada kerajaan yang berkesan," katanya.

Namun, kata Dr Mahathir, walaupun jumlah kakitangan awam yang anti-kerajaan adalah kecil, ia boleh menjadi besar jika kerajaan berlembut mengenai perkara itu kerana, dalam mana-mana perkhidmatan awam, tentu akan ada sungutan dan perasaan tidak puas hati.

"Dan ini boleh disalah ertikan dan dibesar-besarkan, jika ada orang dibiarkan melakukan sesuka hati mereka dan enggan mengikut peraturan sistem demokrasi.

"Benar, jumlahnya kecil, tetapi ianya tidak harus dibiarkan kerana ia akan merebak," katanya.

-- BERNAMA

AU AU MAI